

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 18/02/2023

Edisi / Muka Surat : Nasional / (04)

Tajuk : Hanya Tujuh Daripada 237,000 Sekolah Rendah Tubuh Koperasi

Hanya tujuh daripada 237,000 sekolah rendah tubuh koperasi

LIPIS – Hanya tujuh daripada kira-kira 237,000 buah sekolah rendah di seluruh negara menubuhkan koperasi setakat ini.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah berkata, meskipun murid-murid sekolah tidak boleh menjadi ahli koperasi, namun mereka boleh menyertai aktiviti koperasi yang ditubuhkan dengan keahlian ibu bapa mereka.

“Kurangnya koperasi ditubuhkan kerana murid sekolah rendah masih belum layak dari segi undang-undang menjadi ahli mana-mana koperasi di negara ini.

“Bagaimanapun Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta alumni sekolah boleh menubuhkan koperasi sebagai platform terbaik pendedahan awal mendidik murid sekolah rendah tentang perniagaan dan keusahawanan,” katanya pada Majlis Hari Anugerah Kecemerlangan Sekolah Kebangsaan (SK) Lubuk Kulit, di sini semalam.

Menurutnya, setakat ini sekolah yang telah menubuhkan koperasi ialah SK Seri Tumpat 1, SK Kubang Batang Tumpat, SK Agama Sarikei dan SK Ulu Ranan di Kanowit.

Tambahnya, sekolah lain ialah



ABDUL FATTAH (tengah) menyampaikan sijil penghargaan kepada tokoh murid SK Lubuk Kulit di Lipis semalam.

SK Kuala Tatau di Bintulu, SK Bukit Cerakah di Kapar, Selangor dan SK Tok Jiring di Terengganu.

Menurut beliau, pada masa ini gerakan koperasi sekolah hanya bermula di peringkat sekolah menengah dan berharap ada usaha mula diperkenalkan dari awal di sekolah rendah pula.

Jelasnya, meskipun murid sekolah rendah tidak dibenarkan menyertai koperasi tetapi mereka boleh bersama-sama menyertai aktiviti yang dianjurkan koperasi sebagai pendedahan kepada mereka.

Abdul Fatah berkata, strategi tersebut juga bertujuan untuk menyediakan murid agar mengenali gerakan koperasi dengan lebih awal sebelum mereka melangkah memasuki alam sekolah menengah.

“Sebagai contoh koperasi yang ditubuhkan boleh membantu murid menyediakan peralatan fertigasi di sekolah untuk menanam pelbagai jenis sayuran yang dikendalikan oleh murid dan hasilnya nanti boleh dijual kepada ibu bapa sekolah terbabit,” tambahnya.